# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 17 NOVEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | FARMER DATABASE TO BE ESTABLISHED, NATIONAL, THE SUN -5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | IT'LL BE FAIR TO ALL, SAYS SABU, NATION, THE STAR -10 | |
| 3. | MAKING SURE AID REACHES TARGETED FARMERS, NATION, THE STAR -10 | |
| 4. | KENAIKAN HARGA BERAS TEMPATAN DIJAMIN ADIL UNTUK SEMUA, NASIONAL, BH -4 | |
| 5. | KAJIAN SEMULA HARGA SILING BPT BAKAL TINGKAT PENGELUARAN, LOKAL, HM -23 | |
| 6. | 22 LESEN JUAL BENIH PADI DITARIK BALIK, DEWAN RAKYAT, HM -18 | |
| 7. | TIGA KALI NEGARA BERDEPAN KRISIS BERAS, NEGARA, KOSMO -5 | |
| 8. | PENGKALAN DATA PETANI AKAN DIWUJUDKAN, NASIONAL, SH -11 | |
| 9. | USAHA ATASI KRISIS BERAS BERULANG, NASIONAL, SH -23 | |
| 10. | ISU BERAS NEGARA: KPKM TERBUKA TERIMA CADANGAN SEMUA PIHAK, NASIONAL, SH -23 | |
| 11. | SUDAH TIBA MASA NAIKKAN GARGA SILING BERAS PUTIH TEMPATAN, NASIONAL, SH -23 | |
| 12. | PERAK WAJIBKAN REBAN AYAM TERTUTUP PADA 2026, NASIONAL, SH -28 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 13. | TUKAR LADANG TERNAK KE SISTEM TERTUTUP, NEGARA, KOSMO -15 | |
| 14. | 50,000 KAMPIT BENIH PADI SAH DIAGIH KEPADA PPK, NASIONAL, BH -4 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 15. | 50,000 KAMPIT BENIH PADI DILULUSKAN HARI INI, DALAM NEGERI, UM -4 | |
| 16. | BAKAR JERAMI, MUKA DEPAN, UM -1 | LAIN-LAIN |
| 17. | SOARING ADOPTION OF DRONE TECH, NATIONAL, THE SUN -3 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | THE SUN | NATIONAL | 5 |


# Farmer database to be established

**PUTRAJAYA:** A database to register farmers will be established to facilitate government efforts in distributing aid and incentives to the group, according to the Agriculture and Food Security Ministry.

This follows the approval of a proposal to formulate the Farmers Registration Enactment during a meeting between Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu and state executive councillors in charge of agriculture.

"Through the initiative, efforts to ascertain the actual number of farmers involved in the agricultural sector will assist the government in distributing aid and incentives to farmers.

"It will also serve as a reference for all quarters, especially in planning the development of the agro-food sector and preventing leakage in the provision of aid to farmers."

The ministry said in a statement yesterday 11 presentations were conducted during the meeting, including a proposal to establish dedicated organic farming areas at state level.

The proposal is in line with the National Agrofood Policy 2021-2030, National Food Security Policy Action Plan 2021-2025 and the Sustainable Development Goals 2030 agenda.

"Organic farming is one of the activities given emphasis in addressing critical global challenges through environmentally friendly and safe practices."

The ministry said the meeting also took note of the initiative to strengthen agricultural and agro-food sector data, which requires data management support from state governments to ensure current and reliable data across time.

In a separate statement, the Agriculture Department said deputy director-general (management and regulatory) Datuk Nor Sam Alwi has been appointed as director-general effective Nov 15.

It added that Nor Sam, a graduate in Agricultural Science from Universiti Putra Malaysia, was the second woman officer appointed to the post.

She replaces Datuk Zahimi Hassan, who went on mandatory retirement on Aug 26. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | THE STAR | NATION | 10 |

# It'll be fair to all, says Sabu

## Any new ceiling price for local white rice to be discussed



**Easy-peasy:** A farmer harvesting padi with a rice harvester machine in Sekinchan. – Bernama

**KUALA LUMPUR:** Any proposal to raise the ceiling price of local white rice will ensure fairness to all parties – farmers, producers, traders and consumers, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said the current price of RM26 per 10kg had not been changed since 2008.

"If there is any increase, we will have to discuss with the Economy Ministry, Finance Ministry as well as the Domestic Trade and Cost of Living Ministry on how we can be fair to all parties, including the government and those in the Opposition, who are also involved in this matter," he said in a supplementary question from Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) during Question Time in Parliament yesterday.

Nurul Amin asked the ministry whether the proposed increase in the price ceiling of local white rice would be done in stages considering the high cost of living faced by the people.

Mohamad said that if the proposal was accepted, there was still a need for a comprehensive discussion with the Economy Ministry on the impact of such changes on the people as well as rice producers.

"Surely, the Finance Ministry will also be consulted. An intensive discussion is currently being made to get all the feedback including from MPs, especially those who are from areas that have padi plantations," he said.

In recent months, there have been calls for the government to increase the ceiling price for local white rice.

The government is also looking to form a national stockpile for certified padi seeds to address market shortages.

Mohamad said in the long term, the government was thinking of building a national stockpile similar to the one for rice stock.

"We are planning to build a similar one with at least 500,000 bags of padi seeds in case anything happens.

"Currently we don't have one and this is for the future," he said in reply to a supplementary question from Dr Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi (PN-Kuala Kedah).

Ahmad Fakhruddin asked the ministry on the type of enforcement to be carried out by the authorities to ensure there was no manipulation on the price of certified padi seeds so that farmers will have access to the seeds based on the government-controlled price.

Several measures have also been taken by the ministry to ensure an adequate supply including the approval of 532,325 sacks of certified padi seeds for use in Kedah and Perlis.

A total of 112,260 bags of padi seeds were produced on Nov 10, compared to 79,142 on Nov 3 and 151,200 bags on Oct 26, he said.

The government is also expected to approve the production of 50,000 bags of padi seeds today in which 31,000 bags will be distributed to Muda Agricultural Development Authority (Mada) and the remaining ones sent to Perlis and Kedah.

Other moves include the formation of a task force to ensure that all retailers sell padi seeds at the prices set by the government and there will be no hoarding of certified rice seeds.

As of Nov 7, Mohamad said a total of 20 licences had been revoked, while another two licences were revoked yesterday.

# Making sure aid reaches targeted farmers

By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** A Farmers Registration Enactment will be drawn up to facilitate the channelling of aid to farmers and the government's planning for agriculture and agrofood, says the Agriculture and Food Security Ministry.

The ministry said the drafting of the enactment was agreed upon by state executive councillors in charge of agriculture during a meeting chaired by minister Datuk Seri Mohamad Sabu on Wednesday.

"With the enactment in place, there will be a database to record and register farmers in Malaysia.

"It will also ensure that incentives which the government provides will reach the target group and to avoid leakages in extending assistance to farmers," the ministry said in a statement.

However, the ministry did not specify when the enactment would be ready.

The meeting was also presented with a proposal to set up dedicated areas for organic farming at state level.

"The proposal for the creation of such an area is in line with the National Agrofood Policy and the National Food Security Action Plan.

"Under the two plans, it is stated that organic farming is one of the activities to be given focus in tackling global challenges, whereby environment-friendly approaches to agriculture are to be adopted," it added.

The meeting was also briefed on plans to strengthen poultry farming through planning guidelines that had been prepared by the Town and Country Planning Department.

"The ministry has also brought forward a proposal to include China prawn net traps or bubu naga as additional equipment that is not allowed to be used for fishing activities.

"This is due to complaints by licensed fishermen who claimed their fishing nets get damaged after getting stuck with bubu naga," the ministry said.

The meeting was also presented with a paper on the Young Agropreneur Programme, an initiative to encourage and assist young people to get involved in the agrofood sector.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 23 |

# Kajian semula harga siling BPT bakal tingkat pengeluaran

**Alor Setar:** Kajian semula harga siling beras putih tempatan (BPT) berupaya menggalakkan pesawah menggandakan usaha mereka bagi meningkatkan pengeluaran dan kualiti beras tempatan.

Pengerusi Pertubuhan Peniaga-Peniaga Beras Kedah Tan Swee Huat berkata, langkah itu diyakini dapat meningkatkan pendapatan mereka selaras kenaikan kos sara hidup ketika ini.

Katanya, ia juga tidak akan memerah margin keuntungan industri beras putih sehingga mengakibatkan pengusaha tidak mampu menanggung beban kos pengeluaran dan pembungkusan.

"Pengusaha juga tidak berupaya untuk mengembangkan kapasiti pengeluaran yang menyebabkan masalah kekurangan BPT seperti terjadi pada September lalu.

"Maka kami menyokong penuh pandangan Ketua Pengarah Kawalselia Padi Dan Beras (KPB) Datuk Azman Mahmood, bahawa harga siling BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram bagi menjaga masa depan semua pihak," katanya pada kenyataan, semalam.

Ahad lalu, kerajaan mengumumkan akan meneliti syor supaya harga siling BPT dinaikkan bagi menjaga masa depan semua pihak dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu, terutama pesawah.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, syor itu akan dibincangkan kementeriannya bersama-sama Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi.

Ia susulan KPB mendapati harga siling BPT RM2.60 sekilogram ketika ini menyebabkan berlakunya longgokan padi tempatan berikutan pengilang tidak lagi berminat meneruskan pembelian beras kerana harga yang rendah.

Sementara itu, Swee Huat berkata, cadangan berkenaan diharap dapat dipertimbangkan kerajaan dan dilaksanakan secepat mungkin.

"Polisi yang mengikat harga siling BPT sejak 2008 harus diselaraskan semula bagi menyelesaikan kesusahan semasa pesawah, pemborong, penjual beras dan pengguna," katanya.

**Harga siling BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | HARIAN METRO | DEWAN RAKYAT | 18 |



HARGA maksimum jualan BPS bagi setiap kampit 20 kilogram (kg) adalah sebanyak RM40 di pintu gudang syarikat pengeluar, manakala RM45 bagi harga runcit.

# 22 lesen jual benih padi ditarik balik

## *Inisiatif KPKM kekang isu penjualan BPS menekan pesawah*

**Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid**
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menarik balik 22 lesen penjualan Benih Padi Sah (BPS) milik peruncit sepanjang Task Force Operasi Benih Padi Sah (OP BPS) Zon Utara setakat ini.

Menterinya, **Datuk Seri Mohamad Sabu** berkata, pada 7 November lalu, sebanyak 20 lesen ditarik balik manakala semalam sebanyak dua lagi lesen peruncit dikenakan tindakan sama.

"Tempoh pelaksanaan Task Force OP BPS ini diadakan selama dua minggu bermula 7 November sehingga 21 November 2023.

"Ini adalah untuk memastikan semua peruncit menjual mengikut harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan tiada unsur menyorok BPS," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan **Dr Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi (PN-Kuala Kedah)** mengenai langkah segera yang telah diambil secara tegas dan holistik bagi menangani isu penjualan BPS yang menekan pesawah pada masa ini.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, penetapan harga maksimum jualan BPS bagi setiap kampit 20 kilogram (kg) adalah sebanyak RM40 di pintu gudang syarikat pengeluar, manakala RM45 bagi harga runcit mulai 20 Oktober.

"Penetapan harga ini dibuat bagi mengelakkan manipulasi harga BPS di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak," katanya.

> **"Penetapan harga ini dibuat bagi mengelakkan manipulasi harga BPS"**
> Mohamad

Sementara itu, Mohamad turut menjawab soalan tambahan Ahmad Fakhruddin mengenai adakah kementerian bersedia memberi kebenaran kepada petani untuk menyediakan benih padi sendiri.

Menurutnya, dari segi jangka masa panjang, kerajaan sedang berusaha untuk mewujudkan stok penimbal bagi BPS.

"Kalau berlaku apa-apa hal, maka stok penimbal ini akan digunakan. Seperti beras, kita belum guna lagi. Kita belum ada stok penimbal benih padi. Yang ini kita akan adakan pada masa hadapan," katanya.

Selain itu katanya, kerajaan juga akan menambah baik infrastruktur dan plot penanaman padi asas oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

"Kita juga akan memperluaskan penggunaan padi sah di wilayah Sabah dan Sarawak dan ini (semua perancangan) jangka panjang," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 5 |



MASALAH ketiadaan bekalan beras dipercayai berpunca daripada manipulasi pihak pengeluar. – GAMBAR HIASAN

Paling meruncing 2014, stok benih padi sah diwujudkan

# Tiga kali negara berdepan krisis beras

Oleh RASDAN AHMAD

DEWAN RAKYAT

**KUALA LUMPUR** – Masalah bekalan beras putih tempatan sebenarnya pernah terjadi sebanyak tiga kali sebelum ini namun ketika itu rakyat tidak cemas berikutan tiada media sosial seperti TikTok.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, krisis bekalan beras putih tempatan pernah berlaku pada 1971, 2008 serta 2014 dan terbaharu pada tahun ini.

"Krisis pada 2014 paling meruncing sehingga tertubuhnya Padiberas Nasional Berhad (Bernas) berbanding sekarang, namun rakyat tidak cemas," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Gobind Singh Deo **(PH-Damansara)** berhubung isu bekalan beras putih tempatan di Parlimen semalam.

Mohamad berkata, bagi mengatasi masalah ketiadaan bekalan beras dipercayai berpunca daripada manipulasi pihak pengeluar, kerajaan akan mewujudkan stok benih padi sah (BPS) sebagai langkah jangka panjang.

Jelas beliau, penambahbaikan dan usaha mempertingkat peserta serta plot penanaman padi asas akan dilaksanakan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) selain memperluas penggunaan padi sah di Sabah dan Sarawak.

"Sebagai tanda kesungguhan kerajaan dalam menangani masalah BPS saya telah mengadakan lawatan mengejut ke kilang penyediaan benih padi di Alor Star, minggu lalu untuk melihat stok bekalan.

"Sekarang kita bertindak dengan menggunakan apa saja cara, termasuk secara *fast track* untuk penyediaan benih padi ini, sampai ke peringkat ia mencukupi sehingga tarikh akhir musim penanaman ini.

"Kita nak buat stok bekalan BPS supaya jika berlaku apa-apa hal, stok boleh digunakan seperti beras yang mempunyai bekalan sehingga lima bulan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi **(PN-Kuala Kedah)** yang ingin tahu mengenai aspek pematuhan dan penguatkuasaan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) bagi membendung aktiviti manipulasi harga BPS.

Mohamad berkata, sebanyak 22 lesen penjualan benih padi sah milik peruncit sejak pelaksanaan 'Task Force' Operasi Benih Padi Sah Zon Utara telah ditarik balik bermula 7 November lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# Pangkalan data petani akan diwujudkan

## Memudahkan kerajaan salurkan bantuan dan insentif kepada golongan itu

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA
SHAH ALAM

Cadangan untuk menggubal Enakmen Pendaftaran Petani telah dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri Pertanian dengan Exco-exco Pertanian Negeri.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi satu kenyataan berkata, penggubalan itu bertujuan untuk menyediakan satu pangkalan data raya yang merekodkan dan mendaftarkan petani di Malaysia.

"Melalui usaha ini, kerja-kerja untuk mengenal pasti bilangan sebenar petani dapat memudahkan kerajaan menyalurkan bantuan dan insentif kepada golongan berkenaan.

"Selain itu, ia juga dapat dijadikan rujukan semua pihak khususnya dalam merancang pembangunan sektor agromakanan serta mengelakkan berlaku ketirisan dalam pemberian bantuan kepada petani," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Mesyuarat itu telah dipengerusikan oleh Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Hadir sama, Timbalannya, Chan Foong Hin, Exco Pertanian dari 13 negeri, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri, pegawai kanan KPKM serta ketua jabatan dan agensi KPKM.

Menurut kenyataan itu, agenda mesyuarat merangkumi 11 iaitu dua kertas pertimbangan dan sembilan kertas makluman.

KPKM memberitahu, perbincangan tersebut juga mengambil maklum berkenaan



Mohamad (kanan) ketika mempengerusikan Mesyuarat Menteri Pertanian dengan Exco-exco Pertanian Negeri.

Inisiatif Pengukuhan Data Sektor Pertanian dan Agromakanan yang memerlukan sokongan tadbir urus data daripada pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan data pertanian terkini serta dipercayai.

"Selain itu, Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan cadangan memperkukuh industri penternakan ayam.

"Agenda lain yang dibincangkan mengenai situasi bekalan beras dan benih padi negara serta status pelaksanaan Jualan Agro Madani.

"Mesyuarat tersebut turut dimaklumkan tentang senarai *Invasive Alien Species* (IAS) di dalam tanaman, ternakan dan haiwan akuatik yang memberi impak negatif kepada sektor pertanian dan biodiversiti negara," kata kenyataan itu.

Antara perkara lain yang bincangkan adalah cadangan KPKM untuk menambah baik Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980 dengan memasukkan bubu naga atau bubu kamban sebagai tambahan peralatan menangkap ikan yang dilarang.

"Selain itu, kertas makluman berkenaan pelaksanaan Program Agropreneur Muda turut dibentangkan dalam mesyuarat ini sebagai satu usaha KPKM untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan," kata kenyataan itu.

Jelas KPKM, mesyuarat tersebut akan terus dijadikan sebagai salah satu usaha kolaboratif dengan kerajaan negeri untuk meningkatkan sekuriti makanan, memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 23 |

# Usaha atasi krisis beras berulang

## KPKM laksana pelbagai langkah intervensi atasi masalah kekurangan beras putih tempatan

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
KUALA LUMPUR

SIDANG PARLIMEN

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaksanakan pelbagai langkah intervensi bagi mengatasi masalah kekurangan beras putih tempatan (BPT) di pasaran supaya krisis itu tidak berulang pada masa depan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu bagaimanapun berkata, jika berulang pun, ia tidaklah separah seperti yang berlaku pada tahun 1971, 2008, 2014 dan tahun ini.

"Untuk saya nak beri jaminan 100 peratus bahawa (krisis beras ini) tidak akan berulang, payah sebab (berdasarkan sejarah) krisis beras di Malaysia ini berlaku tahun 1971, kali kedua pada 2008 hingga berlaku penetapan harga RM18 untuk 10 kilogram (kg) sampai ke hari ini.

"Krisis seterusnya pada tahun 2014 yang mewujudkan Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) digantikan. Kemudian berlaku (lagi) sekarang (2023).

"Memang kita harapkan tidak berlaku lagi krisis pada masa akan datang tetapi berkaitan hal-hal makanan ini, ia bergantung juga kepada keadaan cuaca, situasi antarabangsa dan sebagainya. Tapi kita tidak boleh jadikan ia satu alasan. Kita kena berusaha," katanya di Dewan Rakyat pada Khamis.

Beliau berkata demikian menjawab soalan **Gobind Singh Deo (PH-Damansara)** tentang sejauh mana kejayaan program intervensi beras putih tempatan dan adakah ia memadai untuk memastikan tidak berulangnya krisis bekalan beras pada masa hadapan.



Mohamad ketika di Dewan Rakyat pada Khamis.

Menurut Mohamad, antara langkah intervensi yang dilakukan adalah kolaborasi secara strategik dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan penguatkuasaan arahan had pembelian maksimum kepada pembeli sebagaimana dalam Peraturan 10(1)(b) Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

Katanya, KPKM turut melancarkan program khas beras putih tempatan secara konsensus bersama pengilang beras untuk pengeluaran sebanyak 20 peratus stok pengilang padi secara berfasa.

Sementara itu, menjawab pertanyaan **Dr Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi (PN-Kuala Kedah)** yang meminta kerajaan menyatakan langkah-langkah segera yang diambil secara tegas dan holistik bagi menangani isu penjualan benih padi sah yang begitu menekan pesawah, Mohamad berkata, kerajaan telah menarik balik sebanyak 22 lesen penjualan benih padi sah milik peruncit sehingga Khamis sejak pelaksanaan *Task Force* Operasi Benih Padi Sah (Op BPS) Zon Utara bermula 7 November lalu.

Ujarnya, *Task Force* itu dilakukan bagi memastikan semua peruncit menjual benih padi sah mengikut harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan tiada sebarang unsur menyorok benih.

Ujarnya, KPKM turut membuat penetapan harga maksimum jualan benih padi sah bagi setiap kampit 20 kilogram (kg) sebanyak RM40 di pintu gudang syarikat pengeluar manakala RM45 bagi harga runcit mulai 20 Oktober lalu.

"Penetapan harga ini dibuat bagi mengelakkan manipulasi harga benih padi sah di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak," ulasnya.

## Isu beras negara: KPKM terbuka terima cadangan semua pihak

**SHAH ALAM** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terbuka untuk menerima sebarang cadangan dan pandangan daripada semua pihak berkaitan pengurusan beras negara.



AZMAN

Bagaimanapun, menurut Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood, KPKM perlu memperhalusi setiap saranan selain akan melibatkan pihak berkepentingan dalam sesi libat urus supaya ia dapat dibincangkan secara bersama.

"Kita tidak boleh kata ada keputusan yang jelas sebab sekarang ada beras putih tempatan dan beras putih import.

"Beras putih tempatan dikawal pada harga RM26 (sekilogram) dan sekiranya ada kenaikan, tertakluk kepada kerajaan manakala beras import tidak dikawal (harga).

"Sekiranya buat satu jenama sahaja, perlu ada formula dan keputusan dasar yang baharu selain kena panggil semua pihak industri (dan) berkepentingan, duduk untuk dengar pandangan tersebut," katanya ketika dihubungi pada Khamis.

Sebelum ini Gabungan Pengilang Beras Malaysia dilapor mencadangkan Seksyen Kawalselia Padi dan Beras mewujudkan hanya satu gred tunggal untuk beras putih dan tidak melabelkannya dengan Beras Putih Tempatan dan Beras Putih Import bagi memastikan tiada sebarang manipulasi di peringkat pemborongan.

Azman memaklumkan, setiap cadangan yang diberi perlu disertakan dengan kaedah dan formula bersesuaian supaya perkara itu lebih jelas dan teratur.

"Adakah ia boleh diterima atau tidak, kita akan lihat keadaan dan sebab. Mereka hanya lontarkan sahaja (cadangan) tetapi kaedah serta formula tidak pula dicadangkan kepada kita.

"Kalau cadangan itu baik untuk negara dan tidak membebankan dari segi situasi menang-menang, itu jadi satu cadangan yang baik," ujarnya.

## Sudah tiba masa naikkan harga siling beras putih tempatan

**ALOR SETAR** - Harga siling beras putih tempatan (BPT) wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding RM2.60 sekilogram untuk jaminan masa depan pihak yang terlibat dalam rantaian pengeluaran makanan ruji itu.



SWEE HUAT

Pengerusi Pertubuhan Peniaga-peniaga Beras Kedah, Tan Swee Huat berkata, sudah tiba masanya polisi yang mengikat harga siling BPT selama lebih 15 tahun iaitu sejak tahun 2008 diselaraskan semula bagi menyelesaikan kemelut pesawah, pemborong, penjual beras dan pengguna.

Menurutnya, ia wajar dilaksanakan secepat mungkin bagi memulihkan masalah kekurangan beras berkenaan dalam pasaran.

"Tindakan untuk mengkaji semula harga siling dengan segera diyakini dapat mengatasi masalah yang berlaku khususnya pasaran beras putih, selain boleh mencapai situasi menang-menang untuk semua pihak," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood sebelum ini dilaporkan berkata, harga siling BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram bagi menjaga masa depan semua pihak yang terlibat dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu terutama pesawah.

Jelasnya, kenaikan harga siling BPT penting bagi mengelakkan berlakunya longgokan padi tempatan.

Ulas Swee Huat, cadangan tersebut merupakan berita baik dan Pertubuhan Peniaga-peniaga Beras Kedah menyokong penuh saranan tersebut selain berharap ia dapat dipertimbangkan oleh kerajaan.

"Kami berulang kali melaporkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan pihak berkuasa Kawal Selia Beras bahawa harga siling BPT terhad, tidak lagi sesuai kerana tidak dapat menampung lonjakan semasa dalam upah gaji, bahan pembungkusan dan sebagainya.

"Kajian semula harga siling BPT bukan sahaja akan menggalakkan pesawah menggandakan usaha mereka dalam meningkatkan pengeluaran dan kualiti, pada masa sama petani dapat meningkatkan pendapatan," jelasnya.

Menurutnya, ia tidak akan memerah margin keuntungan industri beras putih atau mengakibatkan ketidakmampuan untuk menanggung beban kos pengeluaran dan pembungkusan.

"Ia juga tidak akan menyebabkan ketidakupayaan untuk mengembangkan kapasiti pengeluaran yang telah menyebabkan berlaku kekurangan bekalan BPT September lalu.

"Diharap Menteri KPKM melaporkan keadaan sebenar kepada Perdana Menteri agar dapat melaksanakan peraturan baharu penyelarasan harga siling BPT secepat mungkin," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI PERAK | 28 |

# Perak wajibkan reban ayam tertutup pada 2026

Sistem dilaksanakan bagi menangani aduan gangguan lalat dan pencemaran

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH



Mohd Zolkafly (kiri) bersama Dr Ahmad Shafri menunjukkan butiran Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023 yang diwartakan pada 20 Julai lalu.

Kerajaan Perak memberi tempoh sehingga 2026 kepada 295 pengusaha ladang ternakan unggas menukar kepada sistem tertutup sebelum tindakan tegas diambil.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, arahan itu dikeluarkan susulan penguatkuasaan Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023 yang diwartakan pada 20 Julai lalu.




Menurutnya, sehingga kini hanya 203 daripada 507 ladang reban dilaksanakan secara tertutup manakala 295 lagi atau 58 peratus masih dibuat secara terbuka dan selebihnya secara bercampur.

"Selaras pelaksanaan pindaan ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri turun padang mengadakan *roadshow* (jerayawara) bagi memberi penjelasan dan kefahaman kepada pemegang taruh khususnya penternak ayam di negeri ini.

"Kita meletakkan sasaran kepada pengusaha sedia ada dan pengusaha baharu. Bagi permohonan baharu tertakluk kepada peraturan baharu iaitu mesti kena bina ladang ternakan tertutup," katanya ketika sidang media di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini, pada Khamis.

Hadir sama Pengarah JPV Perak, Dr Ahmad Shafri Hassan.

Menurut Mohd Zolkafly, berdasarkan pemantauan dibuat JPV, pihaknya menyasarkan 30 peratus ladang ternakan terbuka akan bertukar menggunakan sistem tertutup setiap tahun.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan negeri memberi peluang kepada pengusaha ternakan tidak berdaftar memohon lesen sah sepanjang tempoh pemutihan.

Menurutnya, tempoh masa mencukupi akan diberikan kepada pengusaha sebelum melakukan tindakan penguatkuasaan.

Pindaan Enakmen Perladangan Unggas dibuat bertujuan melaksanakan sistem reban tertutup sepenuhnya menjelang 2026 bagi menangani aduan gangguan lalat dan pencemaran.

"Dalam pindaan enakmen ini juga memperuntukkan hukuman denda lebih tinggi bagi setiap kesalahan dilakukan.

"Sebagai contoh kadar kompaun minimum dikenakan sebelum ini hanya RM300 tetapi selepas pindaan, ia meningkat kepada RM5,000," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 15 |



**KERAJAAN Negeri Perak memberikan tempoh selama tiga tahun bagi pengusaha ladang ternakan unggas untuk melaksanakan konsep sistem tertutup.** – GAMBAR HIASAN

Kerajaan negeri beri tempoh pemutihan tiga tahun

# Tukar ladang ternak ke sistem tertutup

**Oleh LIYANA RAMLI**

**IPOH** – Kerajaan negeri memberi tempoh tiga tahun kepada pengusaha ladang ternakan unggas untuk melaksanakan konsep sistem tertutup selaras dengan penguatkuasaan Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) yang diwartakan pada 20 Julai lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri Perak, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, sebanyak 295 ladang reban terbuka hendaklah menukar kepada sistem tertutup sebelum 2026.

"Setakat ini, hanya 203 daripada 507 ladang telah dilaksanakan secara tertutup, manakala 295 ladang reban terbuka dan sembilan adalah ladang bercampur.

"Selaras dengan pelaksanaan pindaan ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak telah mengambil langkah turun padang melalui program 'roadshow' bagi memberi informasi, penjelasan dan kefahaman kepada pemegang taruh khususnya penternak ayam di negeri ini," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini semalam.

Menurutnya, pihaknya juga menyasarkan sebanyak 30 peratus setiap tahun bagi pengusaha ladang sedia ada mahupun yang baharu untuk melaksanakan sistem tertutup secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun.

"Sasaran tersebut adalah bagi pengusaha sedia ada dan pengusaha baharu tetapi bagi permohonan baharu, ia mesti dibina dengan sistem tertutup," katanya.

Sementara itu, Mohd. Zolkafly berkata, bagi pengusaha ladang ternakan yang tidak berdaftar juga boleh memohon lesen yang sah dalam tempoh pemutihan sehingga 2026.

"Tempoh pemutihan selama tiga tahun ini mencukupi untuk pengusaha-pengusaha ladang ternakan sebelum penguatkuasaan dilaksanakan," katanya.

Ujarnya, pindaan ini bertujuan ke arah pelaksanaan sistem reban tertutup sepenuhnya menjelang tahun 2026 untuk menangani aduan kacau ganggu lalat dan pencemaran.

"Selain itu, Kebenaran Merancang (KM) dan kelulusan tukar syarat tanah juga adalah tujuan enakmen ini dipinda. Hukuman denda dan kompaun juga akan dikenakan lebih tinggi setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

"Sebelum ini, kadar kompaun minimum hanya RM300 tetapi selepas pindaan kadar kompaun minimum adalah sebanyak RM5,000," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# 50,000 kampit benih padi diluluskan hari ini

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 50,000 kampit Benih Padi Sah diluluskan hari ini dengan pengagihan sebanyak 31,000 kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) serta 19,000 lagi disalurkan ke Perlis dan luar jelapang negeri Kedah.

Menyifatkan ia sebagai langkah drastik, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia bagi memastikan bekalan benih padi mencukupi dan harganya terkawal.

"Selain itu, kementerian turut memantau dan mengawal ketat proses kelulusan ladang dan makmal terhadap 12 pengeluar BPS berdasarkan prosedur operasi standard yang ditetapkan jabatan dan agensi sebelum BPS dijual kepada pesawah," katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

> **"Kerajaan sedang meneliti cadangan untuk menaikkan harga siling beras putih tempatan dalam usaha menangani isu bekalan beras dalam negara."**
>
> **MOHAMAD SABU**

Beliau menjawab soalan Dr. Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi [PN-Kuala Kedah] mengenai langkah segera KPKM bagi menangani isu penjualan benih padi sah yang begitu menekan pesawah serta menjejaskan hasil pengeluaran padi dan kadar sara diri beras negara.

Terdahulu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meluluskan 532,325 kampit benih padi bagi kegunaan di Kedah dan Perlis dengan rekod pengeluaran 89,723 kampit benih pada 18 Okt. lepas, 151,200 kampit benih (26 Okt.), 79,142 kampit benih (3 Nov.) dan 112,260 kampit benih (10 Nov.).

Mengulas lanjut, untuk langkah jangka masa panjang pula, kerajaan turut melaksana kajian bagi menangani harga belian padi dan benih padi supaya semua pihak termasuk peruncit dan pengguna berada dalam situasi menang-menang.

Bagi tujuan itu, beliau berkata, KPKM akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam masa terdekat bagi menentukan aspek penyelarasan harga.

Dalam sesi soal jawab pula, Mohamad berkata, kerajaan sedang meneliti cadangan untuk menaikkan harga siling beras putih tempatan dalam usaha menangani isu bekalan beras dalam negara.

"Memang harga (beras putih tempatan) RM26 ini ialah harga pada 2008. Jika mahu berlaku kenaikan (harga siling), maka, kita kena bincang dengan Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan KPDN.

"Perbincangan intensif ini yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga akan melibatkan pandangan daripada ahli-ahli Parlimen yang terlibat dalam kawasan penanaman padi," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |



## Bakar jerami

**PEKERJA ladang membakar jerami padi selepas aktiviti menuai selesai sebelum proses penanaman semula dimulakan di Jalan Parit 4, Sekinchan, Selangor, semalam. Ia dilakukan untuk memastikan tanah sawah terus kekal subur dan bakteria padi dapat dihapuskan. – UTUSAN / SADDAM YUSOFF**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/11/2023 | THE SUN | NATIONAL | 3 |



Rais said agriculture stands out as a sector in which drone technology has proven successful. – *MASRY CHE ANI/THESUN*

# Soaring adoption of drone tech

Unmanned aerial vehicles provide dynamic, cost-effective solutions for agriculture, security and disaster applications

BY **ALLEN WONG**
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** The implementation of drone technology has demonstrated considerable advantages in sectors such as agriculture, asset management and security surveillance, said Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (Mranti) CEO Datuk Rais Hussin, adding that agriculture stands out as a sector in which drone technology has proven successful.

"Drones equipped with advanced imaging sensors and data analytics capabilities are used for crop monitoring, precision farming and yield optimisation.

"By providing real-time insights into crop health, irrigation needs and pest infestations, drones contribute to more efficient and sustainable agricultural practices. This ultimately boosts productivity and reduces resource usage."

He said in addition to agriculture, drone technology has found success in the surveillance and security sector.

"Drones equipped with high-resolution cameras and thermal imaging are utilised for border patrol, event security and disaster response.

"These unmanned aerial vehicles provide dynamic and cost-effective solutions for monitoring large areas, improving situational awareness and enabling swift response to security incidents.

"It is effective in supporting authorities with real-time information for enhanced decision-making and resource deployment."

Rais said Mranti has a comprehensive roadmap, called the Malaysia Drone Technology Action Plan 2022-2030 (MDTAP30), that aims to foster growth of drone technology in Malaysia.

"To address the challenges faced by the agriculture sector, Mranti aims to provide scalable drone solutions. These are tailored to alleviate labour shortage and enhance productivity.

"Mranti is also committed to leveraging drone technology to support security and rescue forces during emergencies and disasters."

He also said MDTAP30 is anticipated to make significant economic contributions.

"The plan foresees a substantial boost to gross domestic product, projecting an infusion of RM50.71 billion by 2030.

"The initiative also aims to create 100,000 high-value jobs, aligning with broader goals of economic prosperity, job creation and talent development."

Rais said despite its advantages in several sectors, limitations on widespread adoption and the challenges of operating drones commercially are still apparent.

"As drones are still considered as an emerging technology and industry, there are several factors that need to be taken into consideration.

"Cost factors, technological advancements and integration challenges contribute to the complexities of implementing drone technology," he said, adding that safety was a crucial aspect as drones operate within aviation space.

"One of the key challenges lies in the potential for collisions with other aircraft. This poses a risk to both manned and unmanned vehicles.

"Untrained operators may lack the necessary skills to navigate drones safely, leading to incidents that compromise public safety.

"Additionally, the misuse of drones for unauthorised activities in areas with large gatherings or critical infrastructure also raises security concerns."

He said Mranti was establishing a nationwide Unmanned Traffic Management system that addresses the need for a structured and well-managed drone ecosystem.

"This lays the groundwork for a regulatory framework, ensuring the safe and organised operation of drones throughout Malaysia."

Rais also said regulatory bodies such as the Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) are pivotal in establishing and enforcing guidelines that promote responsible drone usage.

"Similar to owning a car, drone operators must also register their unmanned aerial vehicles under CAAM.

"Drone operators need to go through certified training programmes. This ensures they acquire the necessary skills and knowledge to operate drones safely and in compliance with aviation regulations.

"As Malaysia aims to position itself as a global leader in drone technology, addressing these challenges will be crucial to realising the full potential of drone technology and its positive impact on the country's various sectors," Rais said.

Malaysia currently has over 110,000 drones registered with CAAM.